

Headline **110 pelajar UPM tawar khidmat kesihatan**
Date **11. Jun 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **25**
Section **Dalam Negeri** Article Size **130** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



110 pelajar UPM tawar khidmat kesihatan

KUALA LUMPUR 10 Jun - Sebanyak 110 pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menawarkan khidmat kesihatan pereuma dalam Program Khidmat Masyarakat di Sekolah Kebangsaan Legong Ulu, Rembau, Negeri Sembilan Sabtu ini.

Pengarah program, Norhidayu Salimin berkata, dianggarkan kira-kira seribu penduduk dari empat buah kampung dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota akan mendapat manfaat daripada program tersebut.

"Program itu turut melibatkan empat pakar perubatan FPSK yang diketuai Timbalan Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar fakulti, Prof. Madya Dr. Mohd. Roslan Sulaiman," katanya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini hari ini.

Beliau berkata, selain membuat pemeriksaan klinikal seperti tekanan darah, glukosa, mata, ukuran tinggi dan berat badan ideal, program selama tiga hari itu juga membolehkan penduduk tempatan mendapatkan khidmat rundingan kesihatan.

Katanya, pameran kesihatan berkaitan penyakit kencing manis, darah tinggi, bahaya merokok, penyakit jangkitan bawaan air dan vektor, kesihatan kanak-kanak, demonstrasi pemeriksaan payu dara akan turut diadakan.

"Semua pelajar juga akan terlibat dalam program anak angkat bersama 50 keluarga di empat buah kampung iaitu Kampung Legong Ulu, Kampung Gadong, Kampung Batang Nyamor dan Kampung Semerbok," ujarnya.

Norhidayu berkata, para pelajar terbabit juga akan terlibat dalam aktiviti gotong-ro-yong di rumah warga emas, taklimat ibadah pesakit dan pemeriksaan kebersihan dari rumah ke rumah.

"Pejabat Pelajaran Daerah Rembau juga akan membawa pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tiga buah sekolah berdekatan pada hari terbuka FPSK di tempat yang sama bagi sesi ceramah motivasi, tayangan video FPSK dan pameran pendidikan.

"Diharapkan program itu dapat melatih pelajar perubatan UPM daripada segi praktikal dan mendekatkan mereka untuk berbakti dengan masyarakat luar bandar," katanya.